

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]**

**SOALAN**

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci faktor dan syarat yang akan menjadi pertimbangan apabila Kementerian meluluskan projek pengangkutan awam seperti LRT atau MRT seperti LRT Pulau Pinang, dan bagaimana untuk memastikan projek ini dapat memenuhi keperluan penduduk tempatan serta mencapai tujuan pembinaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) amat mengalu-alukan sebarang perancangan sistem pengangkutan rel sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan kesesakan jalan raya dan meningkatkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam.
2. Bagi memastikan sistem rel tersebut adalah *viable*, kajian kebolehlaksanaan yang terperinci mestilah dilaksanakan dan dikemukakan kepada MOT untuk pertimbangan lanjut. Kajian tersebut perlulah merangkumi kos, faedah ekonomi, jajaran, jumlah stesen, anggaran tahap penumpang dan aspek-aspek lain yang berkaitan.
3. Berkenaan kos projek pula, sekiranya menggunakan peruntukan daripada Kerajaan, pertimbangan lanjut daripada Kementerian Kewangan (MOF) adalah diperlukan. Sekiranya kos tersebut menggunakan kaedah kerjasama awam swasta (PPP) atau ditanggung sepenuhnya oleh pihak swasta (PFI), pertimbangan lanjut oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) adalah diperlukan. Ini bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan mengelakkan risiko kebergantungan kewangan daripada Kerajaan kelak.
4. Selain meningkatkan penggunaan perkhidmatan awam, pelaksanaan sistem rel juga dapat memberi manfaat ekonomi kepada penduduk setempat seperti membuka peluang pekerjaan serta pembangunan kawasan setempat melalui pembangunan berorientasikan transit (TOD) di stesen-stesen rel.
5. Bagi aspek teknikal pula, projek rel yang baharu perlu mendapatkan kelulusan skim kereta api dari Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Pihak APAD juga bertanggungjawab menilai aspek teknikal, pemantauan projek serta pemantauan operasi bagi memastikan sistem rel tersebut adalah selamat kepada penumpang.

Sekian, terima kasih.